

## BAB 8

### KESIMPULAN

#### **8.1 Penemuan Kajian**

##### **8.1.1 Mengikut Teori Penghijrahan**


Masalah ekonomi yang melanda negara Filipina, keadaan politik yang kurang stabil (peperangan Marcos 1970-1976) dan keselamatan yang kurang terjamin (terkawal) menjadi ‘faktor tolakan’ kepada orang Filipina meninggalkan negaranya. Sementara hubungan sosio-budaya dengan masyarakat tempatan di Sabah, peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan kawalan yang longgar sebagai ‘faktor tarikan’ kepada orang Filipina memilih Sabah sebagai destinasi utama untuk mengadu nasib mereka di tempat baru. Keadaan ini bertepatan dengan penemuan pengkaji-pengkaji terawal mengenai penghijrahan antarabangsa misalnya seperti Bouge (1959: 496-497), Thominson (1965:223-224) dan Matras (1977: 212). Mereka mendapati penghijrahan antarabangsa ini disebabkan oleh faktor tolakan di tempat asal dan faktor tarikan tempat tuju. Faktor tolakan dan tarikan yang ditemui dalam kajian ini sama dengan penemuan kajian terdahulu oleh Ho, Ting Seng (1989:227-228), Rafidah Karaman (1989:45), Kelana Jaman (1994:28-32), Zulkiflie Hassan (1994:29-34) dan Norlia Appi (1996:69-70).

Sehubungan dengan itu, keputusan berhijrah orang Filipina ini berlaku bertepatan teori Everett Lee (1966) yang dipetik oleh Kammeyer dan Ginn (1986:116-124) dan *model of internal migration* di Latin Amerika oleh Du Toit (1975:22-23) dalam *decision-making theory of migration*. Faktor negatif yang dimaksudkan seperti dalam teori Lee’s ialah keadaan ekonomi yang lembab dan politik yang kurang stabil di negara Filipina,

sementara faktor positif pula tertumpu di Sabah yang melibatkan peluang pekerjaan dan ekonomi yang banyak, hubungan sosio-budaya dengan masyarakat tempatan dan dasar politik yang liberal (lihat gambarajah 8.1).

Faktor-faktor ini menjadi pertimbangan kepada setiap individu atau orang Filipina untuk membuat keputusan berhijrah. Teori ini juga menyebutkan tentang *intervening obstacles* di mana orang Filipina akan mempertimbangkan keputusan berhijrah berdasarkan kemampuan menghadapi halangan penghijrahan. Oleh kerana jarak antara Selatan Filipina dan negeri Sabah berdekatan, kos tambang yang murah, kawalan perairan Sabah yang kurang ketat, dasar kerajaan Filipina yang menggalakkan eksport buruh, kesanggupan dan keberanian mengadu nasib di tempat baru dan keadaan budaya yang hampir sama dengan Filipina menyebabkan mereka membuat keputusan berhijrah ke Sabah.

Penghijrahan orang Filipina ini juga berlaku bersesuaian dengan kenyataan Beijer (1969:48) dan Du Toit (1975:49-76) mengenai motif ekonomi yang mendorong penghijrahan. Orang Filipina berhijrah ke Sabah bercita-cita memperolehi peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik, menaruh harapan agar masa depan anak yang lebih baik, berani untuk memulakan kehidupan baru dan memperolehi peluang-peluang ekonomi yang lebih baik. Kesemua motif ini mendorong orang Filipina berhijrah ke Sabah sama seperti juga berjuta-juta orang Eropah berhijrah ke Amerika Syarikat dalam tempoh sebelum Perang Dunia Pertama.



Faktor Tolakan (Push Factor)

Faktor Tarkan (Pull Factor)

Gambarajah 8.1:

**Menunjukkan Faktor-Faktor Penyebab penghijrahhan orang Filipina berdasarkan aplikasi teori Lee's dalam 'decision-making theory of migration'.**

### 8.1.2 Proses Adaptasi dan Asimilasi

#### i) Hubungan Sosio-Budaya

Hubungan sosio-budaya yang sedia ada antara orang di negara Filipina dan Sabah memudahkan orang Filipina berhijrah ke Sabah secara tanpa izin. Hubungan ini berlaku apabila kemasukan orang Filipina ke Sabah sejak awal lagi khususnya pada abad ke-15 seperti yang dijelaskan dalam bab 2. Kedatangan orang Filipina pada peringkat awal ini menyediakan jalinan sosial dan budaya yang menjadi titian bagi pendatang lain masuk ke Sabah. Mereka sering sahaja dibantu oleh saudara mara (warga negara Malaysia dan bukan warga negara) ketika mula-mula sampai di Sabah sama ada mendapatkan kemudahan tempat tinggal dan mencari pekerjaan. Bantuan ini memudahkan pendatang Filipina yang baru untuk memenuhi keperluan awal ketika mula berada di Sabah. Keadaan ini bertepatan dengan kenyataan Golscheider (1983:26) bahawa dua asas memudahkan proses penyesuaian di tempat baru ialah pekerjaan dan tempat tinggal. Bagaimanapun, bantuan yang diberikan oleh pendatang Filipina di Sabah bukan sahaja terhad kepada penyediaan tempat tinggal dan mencari pekerjaan malah melindungi pendatang Filipina yang baru untuk mengelakkan diri dari ditangkap oleh pihak berkuasa.

Seperti kenyataan Cohen (1974:45-46) setiap orang mempunyai cara-cara tersendiri untuk menyesuaikan diri (*strategy of adaptation*). Semasa di Sabah, pendatang Filipina berusaha mewujudkan suasana aman dan mengelakkan konflik. Misalnya, mereka mengamalkan semangat kejiranan, mengadakan hubungan yang baik dengan saudara mara dan etnik-etnik lain atau penduduk tempatan, menyertai aktiviti-aktiviti

sosial yang dianjurkan oleh badan-badan seperti JKKK, JKKKMP, Persatuan Tarian Suluk; dan aktiviti agama seperti Fardu Kifayah; dan menganggotai pertubuhan-pertubuhan politik seperti UMNO dan PBS. Namun begitu ada juga di kalangan pendatang Filipina ini tidak dapat menyesuaikan diri pada persekitaran tempatan Sabah. Mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan negatif seperti jenayah, keganasan, penyeludupan barang-barang dan lain-lain. Masalah inilah yang boleh mendatangkan masalah kepada negara Malaysia.

Di samping itu, pendatang Filipina ini cuba mempertahankan hubungan mereka dengan keluarga rapat di Filipina. Ini juga merupakan strategi adaptasi atau penyesuaian di Sabah supaya hubungan sosio-budaya antara penduduk Filipina ini berterusan. Situasi sebegini memudahkan orang Filipina berhijrah ke Sabah pada masa akan datang kerana maklumat mengenai Sabah dan bantuan dari saudara mara tetap berterusan. Menurut Ho Ting Seng (1989:228) hubungan sosio-budaya inilah merupakan faktor tarikan utama yang menyebabkan orang Filipina berhijrah ke Sabah. Oleh itu, mereka sentiasa mengekalkan hubungan kekeluargaan dengan keluarga rapat di Filipina sama ada melalui kiriman surat, kiriman barang, kiriman wang dan pulang ke negara asal.

Selain dari itu, mereka juga cuba berasimilasi dengan keadaan tempatan. Cara utama ialah dengan menggunakan bahasa Melayu semasa berinteraksi. Walaupun mereka lebih suka menggunakan bahasa etnik sendiri semasa bergaul sesama mereka, namun mereka biasanya menggunakan bahasa Melayu apabila berinteraksi dengan penduduk tempatan khususnya semasa membeli belah, berurus dengan pihak kerajaan dan sebagainya. Kalau dilihat generasi anak-anak yang bersekolah, ramai di kalangan anak-anak pendatang Filipina ini pandai menggunakan bahasa Melayu di peringkat sekolah.

Oleh itu, selagi hubungan sosio-budaya antara pendatang Filipina dan penduduk Filipina berterusan selagi itu kemasukan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah sukar untuk di atasi. Strategi adaptasi mereka ketika berada di Sabah menyebabkan mereka diterima oleh penduduk tempatan dan bertahan lama tinggal di Sabah. Hubungan sosio-budaya ini menyebabkan pendatang Filipina yang datang lebih awal ataupun mereka yang telah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia sebagai akar atau asas yang membawa pertambahan kemasukan pendatang asing tanpa izin pada hari ini. Penemuan ini sama seperti kajian Junipah Wandi (1995:218) yang mendapati ramai orang Melayu di Selangor khususnya yang berketurunan Indonesia menjadi “penampung” kepada pendatang baru pada masa kini di petempatan-petempatan mereka.

Latar belakang sosial dan budaya yang sama dengan penduduk tempatan misalnya etnik yang sama (Bajau, Suluk dan Visayas), bahasa yang sama memudahkan pendatang Filipina berasimilasi dengan keadaan tempatan. Keadaan seumpama ini sama seperti kajian Azizah Kassim (1987:72), dalam kajiannya di kalangan pendatang Indonesia di Semenanjung Malaysia. Keadaan sosial dan budaya yang hampir sama antara masyarakat pendatang Indonesia dengan masyarakat Melayu menyebabkan mereka mudah berasimilasi ke dalam masyarakat Melayu. Ini juga menimbulkan dakwaan dari sebahagian ahli-ahli politik bukan Melayu bahawa masyarakat pendatang Indonesia di Semenanjung Malaysia diberikan taraf kewarganegaraan untuk menambah kekuatan politik orang Melayu seperti yang dijelaskan dalam kajian Azizah Kassim (1987:273) dan Pillai (1992:20-21).

Persamaan etnik serta nilai-nilai kebudayaan seperti bahasa, agama, adat isitadat dan kaitan kekeluargaan menyebabkan mereka mudah berasimilasi dan diterima oleh

penduduk tempatan. Ini bukan sahaja membolehkan mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa di Sabah malah mereka dapat terus hidup dan berusaha untuk mencapai kedudukan ekonomi yang lebih stabil berbanding di negara asal. Tempat tinggal yang sama dengan penduduk tempatan menyebabkan mereka saling berinteraksi dan ini memberi peluang kepada pendatang Filipina yang baru mempelajari nilai atau cara hidup orang tempatan di Sabah. Oleh itu, peluang pendatang Filipina mempelajari nilai atau cara hidup baru ini merupakan sebahagian dari proses adaptasi dan asimilasi seperti yang diperkatakan oleh Cohen (1974:45-46), Griessman (1975: 147-158), Bodley (1976:26-29), Bates (1991:16) dan Kottak (1994:44).

## ii) Strategi Politik

Penyertaan pendatang Filipina di dalam organisasi-organisasi sosial dan politik ini juga sebagai strategi politik yang merupakan *strategy of adaption* terhadap persekitaran tempatan di Sabah. Kajian ini menunjukkan dari 25 orang pendatang Filipina yang memperolehi taraf kewarganegaraan Malaysia seramai 12 orang (48%) daripada mereka yang menyertai parti UMNO. Penglibatan mereka lebih rendah berbanding dengan pendatang Filipina di Kota Kinabalu di mana sebanyak 46 orang (61.3%) dari 75 orang mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia menyertai parti politik atau menjadi ahli UMNO (Zulkiflie Hassan, 1993/94:102).

Penyertaan mereka dalam parti politik ini memberikan ruang kepada mereka untuk mengikat hubungan dengan ahli-ahli politik yang menaungi organisasi-organisasi tersebut. Hal sedemikian membolehkan sebahagian pendatang Filipina ini mendapat habuan-habuan wang, sokongan permohonan taraf kewarganegaraan dan kad pengenalan. Dengan sebab inilah mereka dapat bertahan lama tinggal di Sabah. Keadaan ini sama

dengan penemuan kajian-kajian lain seperti kajian Rafidah Karaman (1989:59) dan Zulkiflie Hassan (1994:45-46).

Strategi adaptasi dalam institusi politik ini sebenarnya menjadi asas kepada pendatang Filipina memperolehi taraf kerakyatan Malaysia. Ini bertepatan dengan kenyataan Cohen bahawa ahli-ahli politik diberikan kuasa autonomi untuk membuat keputusan tanpa campur tangan autoriti pusat. Maka ada sebahagian ahli-ahli politik ini membuat keputusan dengan dipengaruhi oleh hubungan kekeluargaan (noptisme) ataupun hubungan politik (Cohen, 1974:53). Kesempatan diambil oleh pendatang tanpa izin Filipina untuk menjalin hubungan yang erat dengan ahli-ahli politik tersebut semata-mata untuk mendapat perlindungan ataupun taraf kewarganegaraan. Sementara ahli-ahli politik pula mengeksplorasi kuasa autonomi mereka ini demi kepentingan peribadi, politik dan ekonomi. Namun begitu, tidak semua pendatang Filipina ini memperolehi taraf kewarganegaraan melalui sokongan ahli-ahli politik. Ada dari kalangan mereka memperolehi taraf kewarganegaraan melalui permohonan dan sokongan saudara mara mereka yang tidak mempunyai pengaruh politik. Walaupun sekarang mereka menyertai parti UMNO, tidak semestinya parti UMNO terlibat dalam memberikan taraf kewarganegaraan kepada pendatang Filipina. Sebelum UMNO, parti lain seperti parti USNO, Berjaya dan PBS sudah masuk ke kawasan kajian dan mereka terlibat memberi wang dan membuat janji-janji politik dan sebagainya seperti yang dibincangkan dalam bab 7.

Strategi adaptasi yang digunakan oleh masyarakat Filipina di Sabah ini lebih kurang sama dengan yang digunakan oleh masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia pada masa lampau. Mereka mula berhijrah ke Malaysia pada awal abad ke 15 dan

berhijrah secara besar-besaran selepas abad ke-19. Dalam konteks ini, orang Cina di Tanah Melayu (termasuk Singapura) menganggotai persatuan suka rela yang dikenali sebagai ‘huay-kuan’ (Freedman, 1961:38-42) dan ‘Chinese Chamber of Commerce (CCC)’ sebagai cara untuk adaptasi mereka kepada masyarakat tempatan. Ada banyak jenis Huay-Kuan yang mereka sertai iaitu persatuan dialek dan wilayah yang sama, persatuan perniagaan, persatuan suku atau nama keluarga, persatuan kebudayaan, drama dan muzik, persatuan rekreasi atau sosial, persatuan agama dan persatuan kebajikan (Koon, 1988: 1-33). Pada zaman di antara Perang Dunia I dan II, orang Cina (migran atau dilahirkan) mula memasuki persatuan-persatuan politik seperti *Kuomintang Malaya (KMTM)* dan *Malayan Communist Party (MCP)*. Sehingga tahun 1947, ditubuhkan pula Malayan Chinese Association (MCA) untuk menyatukan orang Cina (KMTM-CCC-Huay Kuan) dan ramai orang Cina menyertai pertubuhan ini. Oleh itu, penyertaan orang Cina ke dalam persatuan-persatuan sosial sejak dahulu dan penglibatan mereka dalam gerakan politik parti MCA pada hari ini menyebabkan mereka dapat berlindung dan menyesuaikan diri; dan terus lama bertahan duduk dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Boleh dianggap penyertaan orang Cina di dalam gerakan politik (parti MCA) sejak dahulu sebagai *strategy of adaption* mereka di Malaysia.

Selain dari itu, strategi adaptasi yang ditemui di kalangan orang Filipina di Sabah ini juga pernah dipakai oleh perantau Minangkabau di Indonesia untuk mengatasi rintangan yang mereka hadapi dan memperolehi sesuatu keseimbangan positif dengan latar belakang perantau (Usman Pelly, 1994:83). Orang Minangkabau ini menggunakan Organisasi Islam Reformis Orang Minangkabau Muhammadiyah di Yogyakarta (Sumatra Barat) dalam tahun 1912 dan 1925 untuk memperkuatkan identiti Minangkabau. Pada tahun 1927, orang Minangkabau mendirikan organisasi di Medan dan daerah rantau

lainnya untuk menyatukan kelompok etnik mereka. Pada masa yang sama orang Mendaling pula mendirikan Al Washliyah, satu pertubuhan Islam tradisi sebagai reaksi terhadap Muhammadiyah. Pertubuhan ini memperolehi dokongan Sultan Melayu. Melalui pertubuhan agama ini, para perantau boleh menyatakan identiti etnik mereka di bawah bendera Agama. Organisasi-organisasi ini menjadi makanisme adaptasi untuk kehidupan kota, menjadi senjata dalam persaingan dengan kelompok yang lain demi kelangsungan hidup (Usman Pelly, 1994: 17-18).

## 8.2 Masa Depan Orang Filipina Di Sabah

Pengkaji meramalkan kemungkinan pendatang Filipina ini juga akan mencapai kedudukan lebih baik di Sabah dan setaraf dengan masyarakat Cina di Malaysia yang juga dikenali sebagai masyarakat pendatang pada beberapa dekad lalu. Proses adaptasi dan asimilasi yang berlaku di kalangan mereka dan penyertaan mereka dalam politik tempatan menyebabkan mereka semakin memperolehi kedudukan yang semakin kukuh di Sabah. Bagaimanapun, kebanjiran pendatang tanpa izin pada hari ini juga menyebabkan timbulnya banyak kes jenayah seperti jenayah berat, penyeludupan barang-barang, sindiket kad pengenalan palsu dan penyelewengan dari penduduk tempatan sendiri yang membantu memberikan taraf kewarganegaraan. Hal ini sebenarnya boleh menggugat keselamatan negeri Sabah dan menyebabkan politik negeri menjadi kurang stabil.

Penulis membuat kesimpulan bahawa salah satu punca kegagalan pihak kerajaan menyelesaikan masalah ini ialah dasar yang diamalkan oleh kerajaan terdahulu yang bersikap liberal terhadap kemasukan buruh asing dan pelarian ke Sabah. Ini diperakui

oleh Yang Berhormat Encik Yusuf Jamlee (ADUN N45 Silam),<sup>1</sup> Encik Akhiruddin Norwani (Inspektor Polis, Daerah Lahad Datu),<sup>2</sup> Encik Zainal Abidin Laja (Pengetua Menengah Kebangsaan Agaseh, Lahad datu)<sup>3</sup> dan Encik Datu Ibrahim (Guru Besar, SK. Pekan I).<sup>4</sup> Dasar liberal yang diamalkan oleh Kerajaan USNO dan Berjaya menyebabkan pendatang Filipina di Sabah bertambah ramai. Ini merumitkan lagi keadaan kerana semakin ramai penduduk di negara Filipina yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan pendatang Filipina di Sabah. Maka semakin mudah bagi pendatang baru dari Filipina mendapat bantuan ketika masuk ke Sabah secara tanpa izin.

Keadaan yang sama berlaku juga di Semenanjung Malaysia pada hari ini di mana kerajaan kelihatan bersikap liberal terhadap kemasukan buruh asing. Bagaimanapun kerajaan berusaha untuk mengawalnya dengan membenarkan mereka masuk secara sah mengikut kuota tertentu (Azizah Kassim, 1993a:156-157). Besar kemungkinan keadaan ini akan menyebabkan masalah kemasukan pendatang tanpa izin berterusan pada masa akan datang. Dasar yang liberal ini menyediakan jalinan sosial sama ada ikatan saudara mara, kawan atau sahabat handai yang membantu dan melindungi mereka seperti yang dijelaskan dalam kajian ini.

Meskipun Kerajaan Sabah masih tertakluk kepada *Undang-Undang Imigresen 1957/1963* dan mengadakan kawalan di sempadan antarabangsa Malaysia dengan Filipina namun orang Filipina masih bebas untuk keluar masuk di sempadan berkenaan. Mereka biasanya dapat melepassi kawalan yang dilakukan oleh pihak

<sup>1</sup> Temu bual pada 16 Jun 1996 (jam 10.15 am) di Pejabat Bahagian UMNO N45 Silam.

<sup>2</sup> Temu bual pada 11 Jun 1996 (jam 11.00am-12.30 pm) di Balai Polis Daerah Lahad Datu.

<sup>3</sup> Temu bual pada 20 Jun 1996 (jam 12.00-1.00 pm) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agaseh, Lahad datu.

<sup>4</sup> Temu bual pada 20 Jun 1996 (jam 10.00 am-10.30pm) di SK. Pekan I, Lahad Datu Sabah.

berkuasa. Ini jelas dari gerak laku responden di Kampung Bakau; mereka kerap dikunjungi oleh saudara mara dari Filipina dan mereka juga berulang alik ke Filipina secara haram – iaitu tanpa apa-apa dokumen perjalanan. Lagipun kebanyakan dari responden lebih cenderung mengirim barang, wang dan surat juga melalui kawan-kawan atau saudara mara yang kebetulan keluar masuk secara haram dari Sabah ke Filipina dan dari Filipina ke Sabah tetapi kurang menggunakan kemudahan perkhidmatan bank ataupun pos.

Kawalan perairan di sempadan antarabangsa Filipina dan Sabah agak longgar. Ini disebabkan oleh bentuk muka bumi (geografi) sempadan Sabah yang dikelilingi oleh laut dan pantai yang panjang. Menurut Inspektor Akhiruddin Norwani<sup>5</sup> dan ASP Mak Pak Chua<sup>6</sup> polis Merin sukar membentras kehadiran pendatang tanpa izin Filipina yang dipercayai mempunyai banyak tempat pendaratan dan persembunyian. Mereka kerap kali menggunakan kenderaan kecil seperti tempel dengan hanya mengambil masa kira-kira 2 jam sahaja untuk sampai ke Sabah. Selain dari itu, masalah kebanjiran pendatang tanpa izin ini juga dikaitkan dengan salah laku oleh sebahagian kakitangan-kakitangan pihak berkuasa yang sanggup menerima rasuah untuk melepaskan kemasukan pendatang tanpa izin ke Sabah seperti yang dijelaskan dalam bab 4.

Secara keseluruhan dari kajian ini dapatlah dilihat bahawa hubungan sosio-budaya yang rapat antara pendatang Filipina dengan penduduk tempatan memudahkan proses penghijrahan. Sebaliknya penglibatan mereka dalam arena politik tempatan bukan sahaja menyebabkan mereka sentiasa dilindungi dan mendapat kebajikan dan habuan-

<sup>5</sup> Temu bual dijalankan pada 11 Jun 1996 di Balai Polis Daerah Lahad Datu (Encik Akhiruddin Norwani merupakan wakil kepada Ketua Polis Daerah).

<sup>6</sup> Merupakan Ketua Polis Merin, daerah Lahad Datu, temu bual pada 11 Jun 1996 (jam 11.00 am-12.30 pm) di Balai Polis Daerah Lahad Datu.

habuan wang malah memberi peluang kepada mereka mendapat taraf kewarganegaraan dan ini membolehkan mereka bertahan lama tinggal di Sabah. Jika kedua-dua fenomena tersebut tetap kekal dijangka masalah kebanjiran dan permasalahan pendatang tanpa izin Filipina akan berterusan.

### **8.3 Cadangan**

Memandangkan kehadiran golongan ini mendarangkan masalah, masyarakat tempatan tidak seharusnya terlalu bersikap terbuka dengan kehadiran pendatang Filipina atas dasar satu rumpun bangsa satu agama, budaya, bahasa, persaudaraan dan kepentingan peribadi. Meskipun dari sudut ekonomi kehadiran mereka amat diperlukan untuk pembangunan negara, namun negara tidak seharusnya bergantung kepada buruh asing untuk selamanya.

Oleh itu, pemimpin-pemimpin politik dan Kerajaan Sabah (Malaysia) patut bertindak keras menghalang mereka dari terus menetap di Sabah secara tanpa izin dan menutup ruang kepada mereka untuk menikmati hak orang tempatan. Satu peraturan baru haruslah dibentuk untuk menghalang pemimpin-pemimpin politik atau orang yang berpengaruh dalam politik memberikan sokongan dalam permohonan taraf kewarganegaraan di Sabah. Jika ini dilakukan, sekurang-kurangnya dapatlah mengelakkan campur tangan orang politik dalam memberikan taraf kewarganegaraan kepada pendatang tanpa izin.

Jika keadaan ekonomi stabil, Kerajaan Sabah juga patut memperbanyakkan pelaburan modal di luar negara untuk mengelakkan kemasukan buruh asing tanpa izin. Pelaburan modal mestilah tertumpu ke negara-negara yang menjadi punca masalah

kebanjiran pendatang asing di Sabah seperti negara Filipina dan Indonesia. Di samping itu, untuk mengurangkan penggunaan sektor yang terlalu berintensifkan buruh para majikan harus meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam sektor-sektor tertentu terutamanya sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan.

Selain dari itu, kerajaan Sabah juga patut membenarkan masuk pekerja asing secara kontrak (4 hingga 5 tahun) sahaja dan memberikan kemudahan kredit untuk membiayai kos penghijrahan (termasuk tambang, permit kerja atau visa). Buruh asing ini ini dibolehkan menjelaskan hutang mereka setelah kontrak tamat. Sehubung dengan itu, kerajaan harus membentuk sebuah agensi buruh asing yang boleh memberikan kontrak dan kemudahan kredit. Agensi ini mestilah ditempatkan di negara asing seperti Indonesia dan Filipina supaya buruh asing ini mudah berurus.

Sementara itu, Kerajaan Sabah (Malaysia) patut mengurangkan kos mendapatkan pasport, visa dan permit kerja. Oleh kerana penguatkuasaan syarat-syarat visa dan permit kerja yang ada sekarang dirasakan oleh buruh asing terlalu membebankan maka ramai daripada mereka memilih masuk dan bekerja di Malaysia secara tanpa izin. Ini mendorong kerugian besar kepada kerajaan Malaysia. Beban juga semakin bertambah dengan kos penangkapan, kos pengendalian kem tahanan dan kos penghantaran pulang buruh asing tanpa izin yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Negara kita tidak seharusnya menghalang kemasukan buruh asing ke Malaysia, kerana kebiasaananya kedatangan mereka adalah untuk menyediakan bekalan buruh. Sebaliknya kerajaan patut mengawal seterusnya meringankan kos dan memudahkan ataupun mempercepatkan proses kemasukan mereka untuk mengelakkan kemasukan secara tanpa izin supaya dapat menjamin keselamatan negara.

Kajian ini menunjukkan langkah-langkah lain perlu diambil dalam usaha mengatasi masalah kemasukan pendatang tanpa izin di negara ini. Langkah-langkah itu ialah:

1. Mereka yang mengambil kesempatan memberikan taraf kewarganegaraan mestilah ditangkap dan diberikan hukuman yang lebih tegas.
2. Pendatang asing tidak sepatutnya diberi tanah, kemudahan dan lain-lain yang diperuntukan kepada rakyat.
3. Kerajaan Sabah sepatutnya mengamalkan peraturan yang semakin ketat terhadap orang asing yang memohon taraf kewarganegaraan misalnya tidak mengenakan syarat yang terlalu longgar kepada isteri (dari warga asing) penduduk tempatan untuk memohon kerakyatan Malaysia.